

MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM  
(BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM)

AKHBAR : HARIAN METRO  
TARIKH : 17 MEI 2016

## Shah Alam bebas polisterin

■ MBSA saran peniaga kurangkan penggunaan bekas bungkusan makan berkarbon

### Shah Alam

Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) melancarkan 'Kempen Shah Alam Bebas Polisterin' dengan menyasarkan bandar raya itu bebas sepenuhnya daripada penggunaan bahan itu menjelang 2017.

Kempen itu diadakan bagi memberi kesedaran kepada orang ramai terutama peniaga supaya mengurangkan penggunaan polisterin dalam urusan harian.

Datuk Bandar Shah Alam Datuk Ahmad Zaharin Mohd Saad berkata, kempen itu bermula melalui kerjasama peniaga bazar Ramadan pada pertengahan bulan Jun depan sebelum diperluaskan



Ahmad Zaharin (dua ahli kanan) beramah mesra bersama peniaga selepas menyampaikan permit bazar Ramadan di Wisma MBSA, semalam.

kepada peniaga pasar malam, restoran dan pusat beli-belah secara berperingkat.

"Kempen ini adalah sejajar

dengan hasrat kerajaan negeri untuk mengharamkan penggunaan polisterin secara berperingkat menerusi empat fasa utama.

"Saya berharap penggunaannya sebagai bekas makanan dapat dikawal dan diganti dengan bekas pembungkusan makanan yang mesra alam selaras dengan usaha Shah Alam menjadi bandaraya bebas karbon menjelang 2030," katanya pada sidang media selepas merasmikan kempen itu di Dewan Auditorium MBSA, semalam.

Dalam pada itu, MBSA turut mengadakan taklimat selama empat hari kepada peniaga bazar Ramadan yang menerima permit perniagaan mereka semalam.

Menurut Ahmad Zaharin, taklimat itu bertujuan memastikan peniaga mematuhi syarat dan peraturan ketika menjalankan perniagaan.

"Selain taklimat mengenai pengurusan peniaga berhemah, ceramah berunsur ke- rohanian daripada Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) bertujuan meningkatkan kesedaran peniaga supaya sentiasa mementingkan aspek bersih ketika menyediakan makanan," katanya.